

Tempoh paling sukar – Ameng

15 Jun 2016 1:08 AM



AMENG memeluk isteri, Sabariah Zakariah dan anak, Wan Amar Haikal Wan Aminuddin sebaik sahaja dibebaskan dari Penjara Kluang, Johor, semalam. BERNAMA

KLUANG 14 Jun – Setahun pertama hidup dalam kemurungan di penjara lantaran kehilangan keluarga, harta dan kemasyhuran akibat kesilapan sendiri adalah pengalaman yang sukar dilupakan penyanyi utama kumpulan Spring, Ameng.

Ameng mengakui, apa yang dilaluinya sepanjang menjalani tempoh hukuman penjara selama lima tahun itu adalah saat yang paling mencabar sepanjang hidupnya.

“Namun, saya berasa amat bersyukur kerana dengan rahmat Allah serta sokongan kawan dan keluarga terdekat, saya berjaya melalui hari-hari sepanjang di sini.

“Apa yang dilalui ini adalah tempoh paling sukar dalam hidup saya. Apabila mendapat tahu tempoh penjara dipendekkan, saya berasa amat gembira dan tidak sabar menunggu detik itu,” katanya kepada pemberita sebaik dibebaskan dari Penjara Kluang di sini hari ini selepas menjalani hukuman penjara akibat penyalahgunaan dadah.

Kegembiraan jelas terpancar pada raut wajah Ameng atau nama sebenarnya Wan Aminuddin Wan Ismail, 48, ketika disambut oleh isterinya, Sabariah Zakariah, 46, dan anaknya, Wan Amar Haikal, 9, sebaik dibebaskan pada pukul 12 tengah hari.